

# BULETIN WAKAF



بنك معاملات  
**Bank Muamalat**

**JUMLAH  
KUTIPAN :**

ESOK MASIH ADA

JANUARI-MAC 2018

## MAJLIS PERASMIAN DAN MENANDATANGANI PERJANJIAN WAKAF MAIK MUAMALAT

WAKAF  
SELANGOR  
MUAMALAT  
RM 20,066,525.95

29 Rabiulakhir 1439H bersamaan 17 Januari 2018, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bagi mewujudkan Wakaf MAIK Muamalat sebagai saluran orang ramai menyumbang kepada dana wakaf.

sama antara Bank Muamalat dengan MAIK.

"Jawatankuasa ini akan merangka dan melaksanakan aktiviti wakaf terutama sektor pendidikan dan

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian dan Menandatangani Perjanjian Wakaf MAIK Muamalat di sini, hari ini.

WAKAF  
NEGERI SEMBILAN  
MUAMALAT  
RM 895,926.26

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid, berkata Wakaf MAIK Muamalat itu diwujudkan bagi mengutip dan menguruskan dana wakaf untuk kemajuan ummah.



Pemangku Raja Kelantan, Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra berkenan menyempurnakan majlis itu dan menandatangani MoU yang ditandatangani antara Mohd Redza Shah dengan Timbalan Yang Dipertua MAIK, Dr Nik Azlan Abd Hadi.

WAKAF  
MAIK  
MUAMALAT  
RM 631,254.87

Beliau berkata, wakaf itu turut mendapat sokongan Affin Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad di bawah seliaan Persatuan Perbankan Islam Malaysia (AIBIM).

kesihatan, selain pelaburan yang difikirkan sesuai bagi menjana dana wakaf sedia ada.

"Dengan adanya perkhidmatan ini, kita harap matlamat kerajaan meningkatkan tahap pendidikan dan kesihatan rakyat dapat dicapai seterusnya membawa ke arah menjana ekonomi negara yang mampan," katanya.

Pada majlis itu, Bank Muamalat turut menyampaikan sumbangan wakaf kepada MAIK berjumlah RM500,000.

Mohd Redza Shah berkata, Bank Muamalat sedia berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk menjana kutipan wakaf sehingga dapat dikembangkan, seiring pengalaman pihaknya memulakan perkhidmatan itu sejak 2012.

"Dengan sistem patuh syariah dan laporan yang telus, kami akan berusaha meningkatkan keyakinan masyarakat untuk menyumbang kepada Wakaf MAIK Muamalat," katanya.

**Wakaf melalui :**



Sertakan maklumat  
Ref-1 : No. IC  
Ref-2 : No. Tel

Wakaf enquiries,  
please email to :  
[wakaf-  
group@muamalat.com.my](mailto:wakaf-group@muamalat.com.my)



## WAKAF NEGERI SEMBILAN MUAMALAT

Wakaf Negeri Sembilan Muamalat merupakan kerjasama strategik di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan pihak majlis agama islam negeri-negeri dalam kutipan dan pengurusan wakaf tunai. Ini merupakan kolaborasi kedua Bank Muamalat selepas usahasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor melalui Wakaf Selangor Muamalat yang telah dilancarkan pada tahun 2012. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan Bank serta orang awam untuk berwakaf. Kerjasama ini akan diurus oleh jawatankuasa pengurusan bersama yang diwakili oleh Bank Muamalat dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan. Sumbangan wakaf ini akan diagihkan kepada dua sektor iaitu pendidikan dan kesihatan. Selain itu, dana ini disalurkan juga ke sektor pelaburan bagi mengembangkan nilai dana wakaf.

# Projek—Projek Wakaf 2018

No	Pemohon	Bantuan	Jumlah Diluluskan
1	Angkatan Tentera Malaysia	Klinik / Bas Bergerak	RM 708,080
2	SRA Tengku Ampuna Fatimah Klang	10 unit Komputer	RM 19,500
3	Maahad Hafiz Sungai Pinang Klang	10 unit Komputer	RM 19,500
4	Hospital Kuala Lumpur	Mesin Ultra Bunyi	RM 225,000
5	Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)	Wad Penjagaan Kaki & Wad Endoskopi	RM 1,048,361.80

## HADIS RINGKAS

*“Apabila manusia meninggal dunia, maka terputus amalnya kecuali tiga perkara: shadaqah jariyah, atau ilmu yang bermanfaat, atau anak shalih yang mendoakannya”.*

[HR Muslim ]




Muat Turun Aplikasi I Muamalat untuk berwakaf melalui JomPay

**Billar Code :**

WSM—5090

WNSM—59873

WMM—10488



## KLINIK BERGERAK WAKAF SELANGOR MUAMALAT



Wakaf Selangor Muamalat dengan kerjasama KPJ dan Beacon hospital telah menubuhkan 3 buah klinik bergerak iaitu Klinik Bergerak dengan kerjasama KPJ Damansara, Klinik Bergerak dengan kerjasama KPJ Perdana, dan Klinik Bergerak dengan Kerjasama Beacon Hospital. Kesemua klinik bergerak ini menawarkan rawatan di kawasan Selangor dan Kelantan. Maklumat lanjut dan jadual penuh boleh didapati di laman sesawang Wakaf Muamalat.

Layari Laman Sesawang : [www.muamalat.com.my/wakafmuamalat](http://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat)

